



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**SEMPENA LAWATAN YB DR. XAVIER JAYAKUMAR  
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI  
KE  
RANCANGAN TEBATAN BANJIR (RTB) SUNGAI TAWAU,  
LEMBANGAN SUNGAI TAWAU, TAWAU, SABAH (FASA 1A)**

**29 OKTOBER 2018**

- 
1. YB Dr. Xavier Jayakumar, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli telah mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Tawau dan mendengar taklimat berhubung projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Tawau, Lembangan Sungai Tawau, Tawau, Sabah (Fasa 1A) pada hari ini.
  2. Kawasan tadahan Lembangan Sungai Tawau meliputi kawasan seluas kira-kira 131 kilometer persegi dan Sungai Tawau merupakan salah satu sungai yang terbesar di Daerah Tawau yang panjangnya 35 kilometer serta mengalir dari arah utara ke selatan sehingga ke muara sungai di Bandar Tawau.
  3. Bandar Tawau dan sekitarnya kerap kali mengalami banjir di beberapa kawasan apabila berlaku hujan lebat terutamanya pada musim hujan dan semasa air pasang. Punca banjir di Bandar Tawau terdiri daripada kombinasi air hujan lebat, pembangunan yang pesat, laluan sungai ke laut yang cetek dan kawasan yang rata serta berparas rendah.
  4. Masalah banjir semasa air pasang telah bertambah buruk dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Banjir yang berlaku pada 28 Ogos 2010 adalah banjir yang paling teruk dilaporkan dan melibatkan kawasan seluas 1,200 hektar.

5. Faktor-faktor utama yang menyebabkan kejadian banjir:
  - a) Kapasiti Sungai Tawau yang sedia ada tidak mencukupi dan menyebabkan limpahan air dari sungai ke kawasan persekitaran;
  - b) Pencerobohan rizab sungai dan pembinaan rumah setinggian di tebing sungai, mengurangkan kapasiti sungai sedia ada;
  - c) Pemendapan di muara Sungai Tawau, mengurangkan kapasiti sungai;
  - d) Sampah-sarap terperangkap dalam saluran sungai, mengurangkan kapasiti sungai; dan
  - e) Paras jambatan sedia ada terlalu rendah menyebabkan aliran air sungai tersekat.
6. Perancangan projek ini terbahagi kepada empat pakej iaitu Pakej 1, Pakej 2, Pakej 3 dan Pakej 4 di bawah Fasa 1. Pakej 1 adalah menaik taraf Sg. Tawau dari Sg Tajung "Outlet" ke Jambatan Apas dengan anggaran kos **RM25.1 juta**.
7. Manakala bagi Pakej 2 adalah menaik taraf Sg Tawau dari Jambatan Apas ke Sg. Rakis "Outlet" dengan anggaran kos **RM35.3 juta**. Pakej 3 pula adalah melibatkan menaik taraf Sg. Tawau dari Sg. Rakis "Outlet" ke muara sungai dengan anggaran kos **RM12.2 juta**. Pakej 4 pula melibatkan komponen projek Pembinaan Jambatan Apas dengan anggaran kos sebanyak **RM13.9 juta**.
8. Dalam pada itu, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sejumlah RM50.0 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) untuk melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Tawau (Fasa 1A) yang merangkumi Pakej 3 dan Pakej 4 bagi mengurangkan kejadian banjir dan masalah berkaitan dengannya.
9. Kos pengambilan tanah sejumlah RM17.73 juta telah dikemukakan kepada Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah untuk pengambilan tanah bagi Pakej 3 dan Pakej 4 sahaja.
10. Pelaksanaan projek RTB Sungai Tawau, Lembangan Sungai Tawau, Tawau, Sabah (Fasa 1A) ini dijangka bakal mengurangkan kekerapan dan impak bencana banjir dari segi kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda di kawasan tadahan Sungai Tawau terutama kawasan Bandar Sungai Tawau. Ini termasuk mengurangkan keluasan kawasan banjir sejumlah 200 hektar dan mengurangkan 8,000 penduduk yang terjejas akibat banjir.
11. Pihak Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah komited untuk mengambil langkah yang perlu untuk terus melaksanakan projek ini yang dijangka siap sepenuhnya pada hujung tahun 2022.